

| | | | |
|------------|---------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Pujuk pokok untuk berbuah | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 20 May 2013 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 60,000 |
| Page No | 44 | Readership | 180,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 699 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,844 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 11,532 |



Pujuk pokok untuk berbuah

Sejak 1986 sehingga kini, Othaman Hasin, 58, setia dengan tugasnya sebagai pemandu di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim).

Baginya, berkhidmat di sebuah institusi utama dalam penyelidikan perhutanan tropika dalam dan luar negara itu dapat memberi kepuasan dari segi menimba ilmu dan pengalaman.

Menghantar kumpulan saintis untuk menjalankan penyelidikan pokok di luar kawasan menjadi tugas Othaman.

“Apabila sampai di lapangan hutan simpan, saya tanyakan penyelidik tempoh masa yang diambil untuk pulang.

“Selepas tu, saya pun merayau sekitar kawasan hutan itu sambil memerhatikan pokok jenis berbuah yang tidak terdapat di Frim dan mengambil gambar sendiri,” katanya kepada Sinar Harian di pejabat Frim, Kepong.

Beliau menambah, biji benih itu akan dibawa pulang untuk ditanam dan dijadikan koleksi pokok di Frim. Antara lokasi yang pernah pergi seperti Hutan Simpan Bukit Bauk, Terengganu; Hutan Simpan Gunung Raya, Langkawi,

Kedah; Hutan Simpan Gunung Jerai, Kedah; dan Hutan Simpan Belum, Perak.

“Kebanyakan buah-buahan di hutan boleh dimakan manusia dan haiwan. Ada jenis pokok hutan yang berbuah tiga tahun sekali dan ada juga lima tahun sekali.

“Pokok lotong atau dipanggil rambutan kabung adalah pokok buah pertama yang saya temui di Hutan Simpan Tekai, Pahang pada 2009. Penemuan itu menjadi inspirasi kepada usaha saya seterusnya mengenali jenis pokok buah lain,” ujar anak kelahiran Arau, Perlis.

Dalam bidang tugasnya itu juga turut mempertemukan Othaman dengan teman hidupnya, Zawiah Ngah yang berkhidmat sebagai penolong penyelidik di Frim. Selepas tiga tahun perkenalan, mereka diijabkabulkan pada 1999. Kini pasangan tersebut telah dikurniakan seorang puteri yang berusia 13 tahun.

Siapa tahu, penyatuan dua jiwa ini telah menyemarakkan minat mereka untuk mendalami dunia pokok khususnya jenis berbuah sehinggalah mampu menghasilkan buku bertajuk 99 Spesies Buah di Frim.

“Sebenarnya, teretusnya penulisan buku ini adalah daripada bos saya, Ketua Pengarah Frim, Datuk Dr Abd Latif Mohmod.

“Datuk suruh saya buat buku selepas tengok koleksi gambar pokok buah yang saya ambil. Mulanya saya menolak kerana mengakui kurang berpengalaman dan berserah kepada saintis untuk menghasilkan buku berbentuk ilmiah itu.

“Bagaimanapun Datuk mendesak saya dengan kata-katanya, ‘kau boleh buat’. Ini membuatkan saya berfikir sejenak. Datuk bagi tempoh setahun untuk menyiapkan buku itu.

“Dengan bantuan isteri yang berpengalaman dalam bidang penyelidikan serta

sokongan daripada ahli botani dan herbarium di Frim, ini membuatkan kerja kami lebih lancar,” ujar Othaman.

Zawiah yang berasal dari Marang, Terengganu berkata, untuk menghasilkan bahan ilmiah ini, mereka mengambil inisiatif untuk ke luar kawasan setiap Sabtu Ahad, meneliti pokok yang jarang ditemui.

| | | | |
|------------|---------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Pujuk pokok untuk berbuah | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 20 May 2013 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 60,000 |
| Page No | 44 | Readership | 180,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 699 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,844 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 11,532 |

Bermula menyiapkan bahan dengan sehelai ke sehelai muka surat melalui hasil turun padang dan penyelidikan yang dilakukan dari masa ke masa, akhirnya manuskrip tersebut dapat dihasilkan.

"Kami berasa bangga kerana manuskrip kami disemak oleh Datuk sendiri, walaupun dah dua kali kena reject, tapi kali ketiga baru diterima.

"Dalam buku sulung ini, kami paparkan gambar bunga, buah dan pokok untuk dikenali pembaca. Maklumat yang dikumpulkan mengambil masa setahun," kata Zawiah.

Beliau menambah, tugasnya yang membantu pegawai penyelidik di hutan ladang telah memberi peluang untuk mengumpul maklumat yang diperlukan, di samping membuat rujukan di perpustakaan Frim.

"Saya pernah menangis beberapa kali apabila ditegur Datuk, tapi ia bagus untuk penambahbaikan bahan yang kami siapkan.

"Kami buat reka letak bahan dan gambar dengan kerjasama

pereka grafik dari syarikat pencetak tersebut,"kata Zawiah yang berkongsi kegembiraan dengan suaminya.

Menurut Othaman, tajuk buku 99 Spesies Buah di Frim adalah atas cadangan Abd Latif, sempena mengambil bilangan 99 nama ALLAH (Asmaul Husna).

"Kesemua jenis buah yang terdapat dalam buku ini boleh dimakan. Sebagai pertunjuk, buah itu dimakan oleh tupai, monyet dan musang. Biasanya buah bergetah putih ada racun.

"Saya test dulu jenis buah yang ditemui sebagai testimoni. Setakat ini tak ada masalah. Saya juga buat pemantauan terhadap pembesaran pokok dan melihat perkembangan buah," katanya.

Sepanjang menjalankan kajian pokok buah-buahan itu, Othaman tidak terlepas daripada cabaran seperti ada kawasan tertentu tidak boleh masuk melainkan jika ada kebenaran. Adakalanya sebilangan jenis pokok sukar untuk melihatnya berbuah. Tetapi ia boleh didapati di

kawasan perkampungan.

"Jika pokok kawasan Frim, saya gunakan teknik memujuk dengan bercakap sambil mengosok agar berbuah. ALLAH Maha Kaya. Dalam proses kumpulkan maklumat dan ambil gambar, kebetulan pokok itu menghasilkan buahnya," kata Zawiah.

Othaman menambah, sebenarnya banyak buah di hutan boleh dimakan tapi ramai yang takut nak ambil sebab warnanya yang biru, merah dan hijau. Namun ada teknik tertentu untuk memakan buah seperti rukam yang perlu digelek-gelek baru lembut dan buah jentik-jentik yang kena jentik barulah dapat menikmati isinya.

| | | | |
|------------|---------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Pujuk pokok untuk berbuah | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 20 May 2013 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 60,000 |
| Page No | 44 | Readership | 180,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 699 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,844 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 11,532 |

Pasangan suami isteri hasilkan buku 99 Spesies Buah di Frim



Pujuk jambu yang boleh dijadikan ulam-ulaman.



yang bernilai kenali khususnya golongan muda.

| | | | |
|------------|---------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Pujuk pokok untuk berbuah | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 20 May 2013 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 60,000 |
| Page No | 44 | Readership | 180,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 699 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,844 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 11,532 |

